

ANALISIS PROJEK WAKAF PERTANIAN DI MALAYSIA DALAM MENINGKATKAN HASIL AGROTANI

AN ANALYSIS OF AGRICULTURAL WAQF PROJECTS IN MALAYSIA IN ENHANCING AGRO-FARM YIELDS

Muhammad Farhan Ishak¹
Noor Syahidah Mohamad Akhir^{2*}
Muhammad Saiful Islam Ismail³
Azrul Shahimy Mohd Yusof⁴

¹Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

(E-mail: 2024871468@student.edu.my)

² Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

(Email: noorsyahidah9177@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

(Email: saifulislam@uitm.edu.my)

⁴Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400, Merbok, Kedah, Malaysia.

(Email: azrulshahimy@uitm.edu.my)

*Corresponding author:

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ishak, M. F., Mohamad Akhir, N. S., Ismail, M. S. I., & Mohd Yusof, A. S. (2025). Analisis projek wakaf pertanian di Malaysia dalam meningkatkan hasil agrotani. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 10 (75), 442 - 455.

Abstrak: Wakaf merupakan antara instrumen pembangunan ekonomi Islam yang kini dikembangkan dalam pelbagai sektor, termasuk pertanian. Dalam menghadapi cabaran keterjaminan makanan negara, pendekatan Wakaf pertanian dilihat sebagai satu langkah strategik yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan tempatan. Justeru, antara usaha yang boleh digembleng ialah mengoptimumkan penggunaan tanah Wakaf melalui projek-projek pertanian. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan projek-projek wakaf pertanian di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah perpustakaan dengan merujuk sumber primer dan sekunder antaranya artikel jurnal, laporan agensi dan artikel media. Kriteria pemilihan ini untuk mendapatkan tinjauan awal berhubung projek-projek wakaf pertanian yang berjaya dilaksanakan. Hasil kajian mendapati beberapa projek pembangunan wakaf pertanian telah dilaksanakan di Malaysia antaranya Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI), Ladang Sawit Wakaf PERKAYA di Terengganu, Projek Penanaman Nanas Selangor, dan Dusun Ilmu UiTM Melaka. Projek-projek ini bukan sahaja berperanan menjana hasil pertanian dan meningkatkan pengeluaran makanan, malah turut memberi impak kepada pembangunan ekonomi setempat, khususnya kepada golongan B40 dan asnaf. Secara keseluruhannya, projek

Wakaf pertanian berpotensi menjadi salah satu model pembangunan lestari yang boleh dimanfaatkan dalam usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Kata Kunci: *Pembangunan, Wakaf pertanian, agrotani, sekuriti makanan*

Abstract: *Waqf is one of the instruments of Islamic economic development that is currently being developed in various sectors, including agriculture. In facing the challenges of national food security, the agricultural waqf approach is seen as a strategic step that has the potential to contribute to increasing local food production. Therefore, among the efforts that can be mobilized is to optimize the use of waqf land through agricultural projects. The main objective of this study is to identify the implementation of agricultural waqf projects in Malaysia. This study uses a qualitative approach through the library method by referring to primary and secondary sources including journal articles, agency reports and media articles. The results of the study found that several agricultural waqf development projects have been implemented, namely the Integrated Agricultural Waqf Project (WATANI), the PERKAYA Wakaf Oil Palm Plantation in Terengganu, the Selangor Pineapple Plantation Project, and the UiTM Melaka Knowledge Village. These projects not only play a role in generating agricultural products and increasing food production, but also have an impact on local economic development, especially for the B40 group and asnaf. Overall, agricultural waqf projects have the potential to be one of the sustainable development models that can be utilized in efforts to strengthen national food security.*

Keywords: *Development, agricultural waqf, agriculture, food security*

Pengenalan

Krisis makanan global telah menjadi perhatian pada tahun 2007 dan tahun 2008. Seluruh dunia dan organisasi antarabangsa menunjukkan keprihatinan dan ramai golongan miskin terkesan krisis ini mengakibatkan kenaikan harga makanan di pasaran komoditi antarabangsa (Mohamed & Mohd Shafiai, 2021). Kebergantungan yang tinggi terhadap sistem import makanan menjadi antara faktor utama ketidakseimbangan bekalan makanan sesebuah negara.

Situasi ini turut memberi kesan kepada Malaysia yang masih bergantung kepada import makanan bagi memenuhi keperluan rakyat. Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan mengalami defisit kerana nilai import makanan mencecah RM78.7 bilion berbanding eksport RM46.38 bilion (Mohd Rasdan, 2024). Meskipun negara memiliki tanah yang subur dan berpotensi untuk pertanian berskala besar, namun faktor seperti masalah pemilikan, kekurangan infrastruktur asas, kekurangan pembiayaan, kesesuaian jenis tanaman, dan faktor komersial menyebabkan berlakunya tanah pertanian yang terbiar (Baharom Bakar, 2020).

Berdasarkan data Jabatan Pertanian Malaysia 2019, terdapat sebanyak 35, 221 lot dengan keluasan 91, 677 (ha) tanah terbiar dan berpotensi untuk tujuan pertanian. Berikut merupakan jadual tanah terbiar mengikut negeri di Malaysia. Berdasarkan jadual 1, negeri Pahang mencatatkan keluasan tanah yang belum diterokai iaitu keluasan 25, 329 (ha), diikuti negeri Johor dan Selangor.

RINGKASAN DATA TANAH TERBIAR YANG SESUAI UNTUK PERTANIAN TAHUN 2019

Negeri	Bil. Lot	Luas (ha)
Johor	3,055	16,492
Kedah	1,004	1,557
Kelantan	2,767	3,700
Melaka	1,497	1,926
N. Sembilan	4,295	8,704
Pahang	8,799	25,329
Perak	3,434	9,605
Perlis	10	8
P. Pinang	221	793
Selangor	3,917	15,983
Terengganu	5,565	6,480
Sem. Malaysia	34,564	90,578
Sabah	n.a	n.a
Sarawak	n.a	n.a
W.P Labuan	657	1,099
Malaysia	35,221	91,677

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia

Rajah 1 : Data Tanah Terbiar Yang Sesuai Untuk Pertanian Tahun 2019

Sumber : Booklet Statistik Tanaman 2024, Unit Perangkaan Pertanian, Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Pertanian Malaysia

Bagi mengatasi isu ini, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan untuk memperkukuh sistem makanan negara, antaranya melalui pelaksanaan wakaf pertanian yang berpotensi untuk meningkatkan dan menyokong pengeluaran makanan negara. Model pelaksanaan wakaf mula berkembang dan berevolusi dalam konteks yang lebih komersil dengan pelaksanaan projek wakaf infrastruktur yang disewakan atau dipajak untuk mendapatkan keuntungan yang boleh diagihkan manfaat (Mohamed Yusof et al., 2024). Melalui konsep ini, tanah wakaf dapat dimanfaatkan untuk aktiviti pertanian yang dapat memberi pulangan hasil bukan sahaja kepada ekonomi negara, malah turut dapat menangani isu keterjaminan makanan (Fazial et al., 2023). Justeru, artikel ini merupakan kajian rintis berhubung wakaf pertanian. Hasil dapatan artikel ini mengetengahkan berkenaan projek-projek wakaf pertanian yang berjaya dilaksanakan di Malaysia. Artikel ini juga memberi pendedahan dan penambahan pengetahuan masyarakat berhubung potensi wakaf pertanian dalam keterjaminan makanan negara.

Kajian Lepas

Konsep dan Prinsip Wakaf Dalam Islam

Wakaf ialah instrumen pengembangan ekonomi dalam Islam. Wakaf boleh didefinisikan sebagai harta yang didermakan di jalan Allah untuk manfaat awam (Saufi et al., 2021). Menurut Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), istilah wakaf dedifinisikan sebagai harta yang ditahan haknya daripada digunakan untuk pewarisan, jual beli, dah hibah. Secara Amnya, wakaf dikenali sebagai cara pengagihan harta kepada ummah seperti wakaf tanah perkuburan serta wakaf pembinaan masjid. Namun, wakaf pada era kontemporari ini boleh diintegrasikan bersama dengan keperluan masyarakat sekeliling dan berkembang mengikut arus kemodenan membawa kepada kegunaan wakaf yang lebih meluas seperti wakaf pertanian, wakaf saham dan sebagainya (Ummi Sulaim Ahmad Rashid et al., 2023).

Pada awal kedatangan Islam, antara contoh awal wakaf dalam Islam ialah Masjid Quba' dan Masjid Nabawi, masjid ini telah dibina diatas tanah wakaf oleh Nabi Muhammad SAW.

Bermula pada zaman Khulafa' al-Rashidin, konsep ini dikembangkan oleh para sahabat dengan mengembangkan fungsi wakaf untuk tujuan kebajikan seperti pembinaan tempat ibadah, pendidikan, dan bantuan sosial. Pada zaman Bani Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyyah, wakaf telah berkembang dengan sistem pengurusan yang lebih tersusun termasuk perlantikan nazir. Harta wakaf digunakan untuk membina hospital, sekolah, jalan raya serta infrastruktur awam yang lain (Luthfiah Nazmi & Yenni Samri Juliati, 2023).

Selain itu juga, pada zaman Mamluk bertempat di Aleppo, wakaf khayri mengfokuskan kepada aktiviti keagamaan dan pendidikan, namun berbeza di China, masyarakat Muslim Hui mengamalkan wakaf melalui institusi masjid. Shaykh Jalaluddin Tabriz telah mewakafkan harta untuk masjid, madrasah, telaga dan hospital di India. Wakaf tunai (cash waqf) telah diperkenalkan pada era empayar Uthmaniyyah yang memberi kemudahan kewangan kepada peniaga, dan petani (Quddus & Hasib, 2023). Dalam era kontemporari, fungsi wakaf berkembang dengan pesat seiring dengan keperluan zaman. Pelbagai wakaf kontemporari telah diperkenalkan dalam pelbagai bidang antaranya sektor pendidikan, kesihatan, dan pertanian dan ia mula menjadi sorotan utama untuk membantu ekonomi umat Islam.

Wakaf Pertanian

Pembangunan wakaf melalui kaedah pertanian telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW apabila baginda mewakafkan sebidang tanah hasil daripada wasiat Mukhairiq yang telah meninggal dunia dalam peperangan pada tahun ketiga Hijrah (Fazial et al., 2023). Menelusuri Sejarah juga, Saidina Umar Ibn al-Khattab memiliki tanah pertanian yang subur dan produktif di Khaybar. Atas nasihat Nabi Muhammad SAW, Saidina Umar mendermakan tanah itu untuk kegunaan orang ramai sambil memelihara tanah dan mengurusnya (Wijaya, 2023). Pada zaman Umayyah, Taubah bin Ghar Al-Hadhrami iatu hakim Mesir telah menubuhkan sebuah institusi Wakaf yang pertama di bawah pengawasan kehakiman semasa pemerintahan Khalifah Hisham bin Abd Malik dan seterusnya berkembang hingga ke Basrah. Institusi Wakaf ini diletakkan di bawah Jabatan Kehakiman, untuk memastikan kutipan itu diagihkan dengan betul kepada mereka yang memerlukan (Abu Bakar & Gunardi, 2023). Konsep Wakaf ini terus berkembang dari semasa ke semasa. Wakaf pertanian berkembang dengan ketara, hampir semua tanah pertanian menjadi harta Wakaf yang diuruskan oleh negeri dan diselia oleh Baitulmal (Abbas, 2018).

Di Malaysia, wakaf terus berkembang untuk membantu ekonomi sejagat. Tanah wakaf yang digunakan untuk pertanian biasanya diuruskan oleh pihak yang berautoriti seperti institusi wakaf, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Non- Governmental Organization (NGO) (Mohamed & Mohd Shafiai, 2021). Hal ini bertujuan untuk memastikan tanah yang diusahakan dapat digunakan secara optimum. Wakaf pertanian muncul sebagai salah satu bentuk wakaf yang berpotensi besar untuk menyokong keterjaminan makanan dan pembangunan ekonomi. Wakaf pertanian melibatkan penggunaan tanah wakaf untuk tujuan pertanian, di mana hasil daripada tanah tersebut digunakan untuk menyediakan bekalan makanan dan membuka peluang pekerjaan kepada golongan yang memerlukan.

Tanah wakaf yang selama ini terbiar atau tidak dimanfaatkan sepenuhnya kini dilihat sebagai sumber yang dapat diurus secara lebih produktif untuk menghasilkan makanan serta membantu golongan yang memerlukan. Melalui wakaf pertanian, tanah terbiar dapat dibangunkan semula, sekaligus menyumbang kepada kadar peratusan keterjaminan makanan di Malaysia. Ini juga membantu menambah peluang pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan di kalangan golongan berpendapatan rendah (Mat Johar & Mat Saad, 2024). Antara jenis tanaman yang diusahakan

adalah kelapa sawit, nanas, cili merah, jagung manis, pisang tanduk, tembikai susu dan sayur-sayuran.

Model Pembiayaan Wakaf Pertanian di Malaysia

Pembiayaan atau pendanaan adalah komponen dalam menguruskan projek wakaf pertanian. Kajian terdahulu menggariskan pelbagai mekanisme muamalat Islam dan pembiayaan moden yang digunakan untuk mengoptimal sistem wakaf pertanian. Antara pendekatan Islam klasik ialah kontrak *muzāra'ah* dan *musāqah*, di mana pewakaf menyediakan tanah manakala petani menyediakan buruh dan kepakaran, kemudian hasil tanaman dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui (Ishak & Mohamad Akhir, 2025). Kenyataan ini disokong oleh Ahmad et al., (2022) didalam kajiannya menyatakan dengan menggunakan kontrak *muzāra'ah* dalam aplikasi wakaf dapat meyumbang ekonomi dan mengurangkan tanah terbiar. Maka, akad *muzāra'ah* dan *musāqah* dapat membantu dalam aspek kewangan dana wakaf atau pengusahaan tanah wakaf sambil mengekalkan prinsip perkongsian hasil yang adil dan meningkatkan ekonomi.

Dalam era Kontemporari ini, pelbagai sumber atau kaedah pembiayaan telah diperkenalkan dalam membiayai projek wakaf pertanian ini. Kerajaan Malaysia telah menyalurkan dana dalam pembangunan wakaf pertanian melalui peruntukan dalam Belanjawan 2022 Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM3 juta khas kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) untuk melaksanakan Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI)(Yayasan Wakaf Malaysia, 2022). Selain daripada itu, pembiayaan wakaf pertanian turut bergantung kepada pengumpulan dana wakaf tunai daripada penyumbang. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian daripada Ibrahim & Ab Rahman, (2021), menyatakan hukum perlaksanaan wakaf tunai atau wakaf saham diperakui dan digunakan oleh majoriti kerajaan negeri di Malaysia. Dana wakaf ini akan digunakan untuk projek wakaf di Malaysia.

Selain daripada itu, Institusi perbankan Islam dapat digunakan sebagai pembiayaan dana untuk menguruskan projek tanah wakaf di Malaysia. Model “Wakf Trustee-Anchor Company-Community Farmer” yang diperkenalkan oleh Azizan et al., (2021) dengan menggunakan pemegang amanah wakaf, syarikat peneraju dan petani komuniti setempat dalam memajukan tanah wakaf dan Intitusi kewangan sebagai dana utama dalam menjayakan projek ini.

Pelbagai mekanisme pembiayaan wakaf telah diperkenalkan baik dari segi dana wakaf atau tanah wakaf untuk memajukan projek wakaf pertanian di malaysia. Dengan bantuan ini ia dapat menyumbang secara signifikan kepada pengeluaran makanan tempatan dan ketahanan makanan. Oleh itu, kepelbagaian dalam kaedah pembiayaan dana menjadi faktor kepada kejayaan wakaf pertanian dalam memperkukuh ekonomi Islam dan menjamin keselamatan makanan di Malaysia.

Jadual 1 : Kaedah Pembiayaan Wakaf

Kategori	Mekanisme Pembiayaan	Penerangan Ringkas	Sumber Rujukan
Tradisional (Klasik)	Kontrak <i>Muzāra'ah & Musāqah</i>	Pewakaf menyediakan tanah; petani menyediakan tenaga kerja dan kepakaran; hasil dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui.	Ishak & Mohamad Akhir (2025); Ahmad et al. (2022)
Wakaf Tunai atau wakaf saham	Sumbangan Tunai oleh Individu/Institusi	Dana wakaf tunai dikumpul dan digunakan untuk membiayai projek pertanian wakaf, seperti pembelian benih, baja, dan peralatan.	Ibrahim & Ab Rahman (2021)
Pembiayaan Kerajaan	Peruntukan Belanjawan	Kerajaan menyalurkan dana melalui agensi seperti Yayasan Waqaf Malaysia untuk melaksanakan projek wakaf pertanian bersepadu.	Yayasan Waqaf Malaysia (2022)
Model Perkongsian	Model Wakaf Trustee–Anchor Company–Community Farmers	Kerjasama antara pemegang amanah wakaf, syarikat peneraju, dan petani komuniti untuk memajukan tanah wakaf dengan sokongan pembiayaan dari institusi kewangan Islam.	Azizan et al. (2021)

Sumber : Pelbagai

Keterjaminan Makanan

Keterjaminan makanan merupakan aspek yang penting untuk diteliti dalam sesebuah negara. Setiap negara perlu memastikan kadar keterjaminan makanan tinggi di dalam negara tersebut kukuh dan terjamin bagi rakyatnya kerana ia merupakan faktor kemajuan sesebuah negara diukur (Asung et al., 2024). Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), telah mentakrifkan keselamatan makanan sebagai ketersediaan makanan yang berterusan dan mencukupi, selamat dan berkhasiat serta membolehkan individu memenuhi keperluan pemakanan untuk kelangsungan hidup yang aktif dan sihat (FAO, 2006).

Namun begitu, Malaysia berdepan cabaran besar dalam mengekalkan keterjaminan makanan disebabkan ketergantungan yang tinggi kepada import makanan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2018-2022, Kadar Kebergantungan Import (IDR) negara menunjukkan kebergantungan import tanaman masih tinggi bagi beberapa produk tanaman yang sering digunakan. IDR bagi bawang adalah 100%, bawang putih 100%, Halia 85.6%, dan cili 74% (DOSM, 2023). IDR merupakan parameter penting yang digunakan untuk mengukur Kadar Kebergantungan Import sesebuah negara memenuhi keperluan makanan.

Baharom Bakar (2020), melaporkan Malaysia mengimport produk makanan bernilai RM75.6 bilion pada 2022 berbanding eksport bernilai RM44.6 bilion, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ini menjadikan perdagangan produk makanan Malaysia

berjumlah RM120.2 bilion tahun lalu peningkatan sebanyak 31.8 peratus atau RM29 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Ketergantungan ini menimbulkan risiko kepada keterjaminan makanan Malaysia. Pergantungan yang berlebihan kepada import menyebabkan negara terdedah kepada ketidakstabilan harga pasaran global, yang seterusnya boleh meningkatkan kos hidup rakyat. Sebarang gangguan dalam rantai bekalan makanan global akibat krisis ekonomi, perubahan cuaca, atau konflik politik di negara pengekspor sering memberi kesan langsung kepada kenaikan harga makanan di Malaysia. Pada tahun 2022 memperlihatkan kenaikan harga gandum rentetan daripada peperangan Rusia dan Ukraine berikutan kedua negara ini merupakan pengeluar satu pertiga pengeluar gandum dunia (Astro Awani, 19 Mei 2022). Memperkasakan pengeluaran makanan negara dilihat perlu untuk mengurangkan kebergantungan terhadap luar.

Cabaran Dalam Membangunkan Wakaf Pertanian

Cabaran dalam pembangunan wakaf pertanian ialah tahap pengetahuan dan kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat. Konsep Wakaf pertanian masih dianggap asing dan kurang difahami dan ini menyebabkan kurangnya penerimaan masyarakat terhadap inisiatif wakaf, malah turut menyekat potensi pelaksanaannya dalam sektor pertanian. Hal ini akan menjadi jurang yang tinggi antara potensi sebenar wakaf pertanian dengan realiti pelaksanaannya di lapangan. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian oleh W. Mahri et al. (2024) menegaskan bahawa kekurangan ilmu pengetahuan mengenai wakaf serta prosedur pelaksanaannya menjadi penghalang utama kepada penglibatan masyarakat dalam projek wakaf. Kekangan ini boleh dijadikan bukti bahawa pendidikan mengenai wakaf masih belum dilaksanakan secara meluas dan menyeluruh.

Tambahan pula, kelemahan dalam kaedah penyebaran maklumat oleh institusi-institusi yang bertanggungjawab turut menyumbang kepada rendahnya kesedaran masyarakat. Menurut Hassan et al. (2021), kaedah penyebaran yang dijalankan oleh institusi Wakaf masih tidak efektif dan gagal menarik perhatian masyarakat umum. Dalam era maklumat digital, kekurangan inisiatif daripada institusi wakaf dalam memanfaatkan medium komunikasi moden menunjukkan kekurangan kecekapan dalam sistem penyampaian maklumat berkaitan produk Wakaf yang ditawarkan hal ini akan menyebabkan persepsi masyarakat umum tentang wakaf tidak akan berubah.

Isu perundangan juga menjadi cabaran utama pembangunan wakaf pertanian. Perbezaan prosuder dan undang-undang antara negeri dibawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah mewujudkan ketidakseragaman dalam kaedah pengurusan wakaf. Talib et al., (2023) menyatakan bahawa kekangan ini menyebabkan pemilik tanah berhadapan dengan pelbagai prosedur yang berbeza mengikut negeri, ini melemahkan minat dan keinginan mereka untuk mewakafkan tanah bagi tujuan pertanian. Di samping itu, birokrasi yang pelbagai juga menjadi faktor masyarakat sukar untuk mewakafkan mengikut saluran yang sepatutnya (Yusof, 2025).

Selain itu, cabaran dari sudut kewangan juga menjadi faktor utama yang menjejaskan projek wakaf pertanian. Kejayaan sesuatu projek wakaf bergantung kepada sumber dana yang mencukupi membeli peralatan, pembangunan infrastruktur seperti sistem pengairan dan gudang, serta pembayaran gaji pekerja. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan Azizan et al. (2021) menegaskan bahawa kekurangan sumber kewangan akan menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek wakaf, dan dalam jangka panjang, boleh menyebabkan tanah wakaf tidak

dimanfaatkan secara optimum. Hal ini dapat dibuktikan melalui kegagalan projek penanaman kelapa sawit di Sabak Bernam, yang tidak dapat diteruskan ekoran kekurangan modal sebanyak RM26,000 (Mat zain et al., 2022). Kes ini menunjukkan betapa kritikalnya aspek kewangan dalam menjayakan projek wakaf pertanian. Sokongan kewangan yang kukuh adalah penting bagi memastikan tanah wakaf dapat diurus secara mampan dan memberi pulangan berterusan kepada masyarakat, khususnya golongan asnaf. Kaedah pemerksaan wakaf pertanian memerlukan kajian khusus antaranya menyediakan satu model dengan mengintegrasikan akad-akad yang dilihat berpotensi seperti akad *muzāra'ah* dan *musāqah* (Ahmad et al., 2022).

Metodologi Kajian

Artikel ini berbentuk konseptual yang menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada maklumat deskriptif dalam bentuk lisan atau bertulis yang berkaitan dengan tingkah laku manusia. Sumber utama data kualitatif termasuk bahan bertulis seperti dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan sejarah kes. Proses pengumpulan data dalam kaedah ini melibatkan analisis dokumen yang merangkumi kajian kandungan bahan bercetak, siaran media, atau imej untuk memahami dan mentafsir maksud yang disampaikan (Jasmi, 2012). Pendekatan ini dilaksanakan secara sistematik dengan mengenal pasti, mengkategorikan, dan mentafsir unit maklumat yang terkandung dalam kandungan.

Dalam artikel ini, bahan perpustakaan dianalisa untuk pengumpulan data berhubung projek-projek wakaf pertanian yang telah dilaksanakan di Malaysia. Latar belakang, isu dan cabaran wakaf pertanian dikenalpasti menerusi bahan perpustakaan. Kajian mendapati wakaf pertanian mempunyai potensi yang tinggi khusus dalam membantu kelestarian sekuriti makanan.

Dapatan Kajian

Projek-projek Wakaf Pertanian Di Malaysia

(i) Projek Ladang Nanas, Pulau Pinang

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Wakaf Pulau Pinang, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dengan kerjasama Lembaga Zakat Pulau Pinang telah membangunkan tanah wakaf dengan melaksanakan projek ladang tanaman nanas (Zakat Penang, 2021). Tanah ini merupakan tanah wakaf yang terbiar dengan berkeluasan kira-kira 2.4 hektar di Kampung Tun Sardon, Ara dengan jumlah 140,000 pokok nanas ditanam (Zakat Pinang, 2022). Projek Ladang Nanas memanfaatkan tanah Wakaf untuk pengeluaran makanan, sekaligus menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan golongan asnaf serta masyarakat setempat.

Projek ini memberi pendekatan baharu dengan menggunakan tanah wakaf yang terbiar secara maksimum, hal ini bukan sahaja dapat mengurangkan lambakan tanah wakaf yang terbiar sekaligus mengambil manfaat dari tanah tersebut dengan membantu dalam isu keterjaminan makanan dan dapat membantu meningkatkan ekonomi tempatan dengan menambah pendapatan asnaf, sekaligus mampu membantu mereka keluar dari status asnaf. Enam orang peserta yang terdiri daripada asnaf zakat telah dipilih untuk mengusahakan ladang, setiap daripada mereka akan diberikan RM1,000 setiap bulan untuk menguruskan tanaman dalam berbentuk elauan dan mereka juga berpeluang diberikan bonus tambahan hasil keuntungan jualan nanas (Mohamad, 2021; Mohd Aris et al., 2021).

Mereka juga diberikan latihan khusus berbentuk kemahiran dalam bidang penanaman dan pengurusan ladang oleh pihak LPNM bagi memastikan pengurusan ladang dijalankan secara lancar. Justeru, projek seperti ini sewajarnya diperluaskan sebagai strategi jangka panjang dalam usaha memperkasakan wakaf pertanian demi kemampanan ekonomi umat Islam dan keterjaminan makanan negara.

(ii) Ladang Wakaf Sawit PERKAYA di Kemaman, Terengganu

Ladang ini diusahakan oleh Ladang Sawit PERKAYA Sdn. Bhd, yang diwakafkan sejak tahun 1992 dengan penglibatan orang ramai serta kerajaan Negeri Terengganu. Tanah wakaf ini melibatkan kawasan seluas 830 ekar di Mukim Jabor dan ditanam kelapa sawit sebagai tanaman utama (Talib et al., 2023). Selain itu, projek ini turut merangkumi projek integrasi ternakan lembu dan kambing, menjadikan ia satu model wakaf pertanian bersepadu.

Pendekatan wakaf dalam projek ini turut melibatkan skim perwakafan tanah dan pokok kelapa sawit, di mana para pewakaf membeli tanah atau pokok sawit untuk diwakafkan. Hasil daripada Wakaf ini digunakan bagi membayar pinjaman modal yang diperoleh daripada Agro Bank, dan lebihan hasil digunakan bagi perbelanjaan pengurusan ladang serta kebajikan anak-anak yatim yang diuruskan di bawah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA), Terengganu. Secara keseluruhan, ladang ini berjaya menjana pendapatan sekitar RM1.3 juta setahun (Ab Rahman, 2009).

Ini menunjukkan potensi besar wakaf pertanian dalam menjana ekonomi, memperkasa institusi kebajikan dan menyumbang kepada pembangunan komuniti setempat. Ia juga membuktikan bahawa wakaf pertanian bukan sahaja mampu berfungsi sebagai instrumen ibadah, tetapi juga sebagai alat pembangunan ekonomi ummah yang mampan.

(iii) Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI)

Di Malaysia, wakaf pertanian telah dilakukan menerusi beberapa projek khusus di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Laman WATANI ini terletak di Presint 20. Projek ini merupakan projek sulung YWM di mana ia antara salah satu inisiatif yang diumumkan menerusi Belanjawan 2022 di bawah Pemerkasaan Ekonomi Islam (Mat Johar & Mat Saad, 2024).

WATANI merupakan projek rintis yang awalnya bermula dengan kawasan tanah seluas 10 ekar. Tanaman yang diusahakan meliputi tanaman kontan, jangka sederhana dan jangka panjang seperti cili merah fertigasi, jagung manis, nanas, pisang tanduk, tembikai susu dan sayur-sayuran lain. Pendapatan kasar yang didasarkan hasil daripada projek ini dianggarkan antara RM90,000 hingga RM240,000 dalam tempoh 3 bulan, bergantung kepada jenis tanaman (Yayasan Wakaf Malaysia, 2022).

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad, Beliau menyatakan hasrat kerajaan untuk memperluaskan model WATANI ke seluruh negara melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam negeri-negeri (Amree, 2022). Ini sejajar dengan usaha memperkukuh sekuriti makanan negara dan mengurangkan ketergantungan terhadap import makanan dari luar negara.

Secara keseluruhannya, projek WATANI membuktikan bahawa pendekatan wakaf dalam sektor pertanian berpotensi menjadi satu model pembangunan mampan yang bukan sahaja

berteraskan nilai Islam, malah memberi kesan langsung kepada pengeluaran makanan negara dan kesejahteraan masyarakat.

(iv) Projek Nanas MD2, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Projek penanaman nanas jenis MD2 yang dijalankan di atas tanah wakaf milik Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Tanah Wakaf seluas 6.2 ekar di Kampung Sungai Merab, Kajang ini telah disewakan oleh PWS kepada Encik Mohd Noorhardy Mohd Noorzain, seorang usahawan tani yang melihat potensi besar dalam industri nanas (Talib et al., 2023).

Setelah lebih dua tahun mengusahakan tanaman tersebut, beliau berjaya menghasilkan satu hingga dua tan metrik nanas seminggu. Ia dijual untuk memenuhi permintaan pasaran sekitar Lembah Klang (Selangor kini, 2022). Selain menjual buah segar, beliau juga bercadang untuk membangunkan produk makanan berasaskan nanas bagi meluaskan pasaran dan menambah nilai komersial hasil pertanian tersebut.

Lebih menarik, hasil daripada sewaan tanah wakaf ini diagihkan oleh PWS kepada penerima manfaat wakaf, iaitu Masjid Jamek Haji Mat Saman, Sungai Ramal Luar dan Masjid Jamek Pekan Kajang. Hal ini membuktikan bahawa aktiviti pertanian di atas tanah wakaf bukan sahaja menjana pendapatan kepada pengusaha, malah turut menyumbang kepada kebajikan komuniti setempat melalui saluran wakaf (Wakaf Selangor, 2021).

(v) Projek WaDi (Wakaf Dusun Ilmu)

Salah satu inisiatif wakaf pertanian yang signifikan di Malaysia ialah Projek Wakaf Dusun Ilmu yang dijalankan oleh UiTM Cawangan Melaka. Projek ini merupakan usaha universiti untuk menjana pendapatan sendiri selaras dengan seruan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) agar institusi pengajian tinggi awam tidak hanya bergantung kepada dana kerajaan. Projek ini turut mendapat sokongan daripada pelbagai pihak termasuk Jabatan Pertanian Melaka, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Melaka dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Melaka, yang memainkan peranan sebagai Jawatankuasa Penasihat Projek bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya (Nazri, 2021).

Menurut Muaz Mohd Noor, Koordinator Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (EL-WAZIF) UiTM Melaka, projek ini melibatkan penanaman lebih daripada 140 anak pokok buah-buahan seperti durian Musang King, manggis, rambutan, cempedak dan kelapa pandan yang dijangka mula menghasilkan tuaian selepas tiga hingga lima tahun. Nilai anggaran hasil jualan buah-buahan tersebut dianggarkan mencecah RM227,800.00 semusim apabila mencapai tahun kelima (Mat Johar & Mat Saad, 2024).

Projek-projek Wakaf pertanian yang dilaksanakan di Malaysia dilihat dapat memberi impak kepada kadar penghasilan agrotani sekali gus dapat membantu keterjaminan makanan negara. Inisiatif projek wakaf pertanian ini membuktikan bahawa tanah wakaf yang diurus dengan baik boleh dimanfaatkan secara menyeluruh dan berkesan. Namun, terdapat beberapa cabaran yang perlu diberi perhatian, termasuk aspek pemantauan, keberkesanan pengurusan, keperluan pembiayaan yang berterusan, serta kesedaran masyarakat terhadap konsep wakaf pertanian. Oleh itu, kajian lanjutan boleh memberi tumpuan kepada model pengurusan terbaik bagi meningkatkan produktiviti tanah wakaf, selain meneliti keberkesanan model wakaf pertanian dalam jangka waktu panjang bagi memastikan mengeluarkan hasil agrotani dalam keterjaminan makanan lebih menyeluruh di Malaysia.

Kesimpulan

Malaysia merupakan sebuah negara yang berpotensi untuk pengeluaran hasil tani bagi tanaman tertentu memandangkan keluasan tanah dan iklim negara yang sesuai. Pelbagai projek telah diperkenalkan untuk memaksimumkan potensi pengeluaran hasil tani, antaranya ialah wakaf pertanian. Projek wakaf pertanian telah diperkenalkan untuk membantu menstabilkan sekuriti makanan negara dengan pengurangan kebergantungan kepada bekalan makanan import dan menstabilkan harga bahan makanan.

Kajian ni dilaksanakan untuk meneliti adakah wakaf pertanian mampu menjadi mekanisme yang baik dalam meningkatkan ekonomi dan sekuriti makanan. Penemuan menunjukkan bahawa wakaf pertanian bukan sahaja alternatif meningkatkan hasil agrotani tempatan, tetapi juga berupaya memperkasakan ekonomi komuniti setempat.

Namun, bagi memastikan projek wakaf pertanian dapat dijalankan secara stabil, beberapa cabaran perlu diutamakan untuk menanganinya antaranya dalam aspek pengurusan, pembiayaan, dan meningkatkan kesedaran masyarakat. Dengan melibatkan pihak yang bertanggungjawab seperti institusi wakaf seperti MAIN dan YWM serta Kerajaan, usaha membangunkan wakaf pertanian dapat direalisasikan untuk pembangunan sosioekonomi negara.

Bagi memperkukuhkan lagi impak projek wakaf pertanian pada masa hadapan, beberapa perancangan kajian lanjut disyorkan. Antaranya termasuklah kajian kes mendalam terhadap setiap projek-projek wakaf pertanian sedia ada, penilaian keberkesanan model dan kaedah wakaf pertanian yang digunakan, serta pembangunan indikator impak sosial dan ekonomi wakaf terhadap projek wakaf pertanian. Kajian susulan diharap dapat memperincikan strategi pelaksanaan atau memperkenalkan model yang lebih efisien dalam membangunkan projek wakaf pertanian serta memberi cadangan dasar yang lebih holistik.

Penghargaan

Artikel ini merupakan kajian di bawah geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dengan kod FRGS/1/2024/SS103/UITM/02/1, bertajuk “Model Agrotani Madani Integrasi Wakaf Pertanian Dan Akad Musaqah Dalam Kelestarian Sekuriti Makanan”. Terima kasih atas tajaan dana FRGS untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/282291720>
- Abbas, M. (2018). Wakaf Sepanjang Ketamadunan Islam. <https://thepatriots.asia/wakaf-sepanjang-ketamadunan-islam/>
- Abu Bakar, A. Y., & Gunardi, S. (2023). Model Wakaf Korporat Sahabat Sebagai Rujukan Model Pembangunan Ummah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 5(1), 10–21. <http://www.cipsf.my/#>
- Ahmad, M. A., Abdullah, A. J., Hakimi, M., & Shafiai, M. (2022). Aplikasi Wakaf Muzaraah dalam Program Pembasmian Kemiskinan. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 195–200.
- Amree, A. (2022). Watani manfaat tanah wakaf terbiar untuk pertanian. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/watani-manfaat-tanah-wakaf-terbiar-untuk-pertanian/>
- Asung, A., Marinsah, S. A., Nur, M., Hajimin, H. H., Author, C., & Islam, F. P. (2024). Analisis Literatur Sistematis Terhadap Sekuriti Makanan Halalan Tayyiban: Kajian Kes Di Daerah Kota Kinabalu, Sabah Systematic Literature Analysis On Halalan Tayyiban Food Security: A Case Study In Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 128–1755. <https://doi.org/10.55573/JISED.096632>
- Azizan, N. A., Muhamat, A. A., Syed Alwi, S. F., Ali, H., Jaafar, M. N., & Jusoh, N. H. (2021). Agribusiness As The Solution For The Underutilized Waqf Lands: A Viewpoint From The Waqf Administrators. In *Journal of the Malaysian Institute of Planners* (Vol. 19). <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/hartanah-wakaf/statistik-hartanah-wakaf>
- Baharom Bakar. (2020). Tubuh Pasukan Petugas Pulih Tanah Terbiar. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/686462/tubuh-pasukan-petugas-pulih-tanah-terbiar>
- DOSM. (2023). Department of Statistics Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/supply-and-utilization-accounts-selected-agricultural-commodities-malaysia->
- FAO. (2006). Food Security (pp. 1–4). https://www.fao.org/fileadmin/templates/faoitaly/documents/pdf/pdf_Food_Security_Concept_Note.pdf
- Fazial, F., Abdullah, S. R., Kasim, N. H., Abu Bakar, A. Y., & Abdul Hamid, M. S. (2023). The Potential of Agriculture Waqf For Ensuring Food Sustainability in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(32), 113–123. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.832010>
- Hassan, S. H. M., Mustapha, R., Mahmud, M., Malkan, S. N. A., & Hassan, N. H. C. (2021). The Influence of Promotion and Waqf Knowledge toward Cash Waqf Awareness in Pahang Region. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4). <https://doi.org/10.6007/ijarbs/v11-i4/9816>
- Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2021). Peranan Ijtihad Jama'i Dalam Pembentukan Skim Wakaf Tunai Di Malaysia. *Journal of Fatwa Managment and Research*, 23(1), 53–70. www.jfatwa.usim.edu.my
- Ishak, M. F., & Mohamad Akhir, N. S. (2025). Agricultural Waqf: Concept, Benefits, and Challenges in the Contemporary Context. *International Journal Of Research And Innovation In Social Science (IJRISS)*, 9(14), 216–227. <https://doi.org/10.47772/IJRISS>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif.

- Luthfiah Nazmi, & Yenni Samri Juliati. (2023). Sejarah Dan Perkembangan Wakaf Dalam Islam: *Jurnal Manajemen Dan Ekonomi Bisnis*, 4(1), 268–281. <https://doi.org/10.55606/cemerlang.v4i1.2329>
- Manfaat Awam. *International Journal of Contemporary*, 3(1), 122-127.
- Mat Johar, M. H., & Mat Saad, S. A. (2024). Peranan Wakaf Dalam Meningkatkan Taraf Ekonomi Umat Islam Khusus Dalam Sektor Pertanian Di Malaysia The Role Of Waqf In Improving The Economic Status Of Muslims, Especially In The Agricultural Sector In Malaysia (Vol. 9, Issue 2). http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasserTaib1993_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf
- Mat zain, M. noor, Muda, M. Z., Mohamed Said, N. Li., & Romli, S. (2022). Analisa Faktor Permasalahan Membangunkan Tanah Wakaf di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 5(Volume 5 (No. 1) 2022: 37-47), 38–47.
- mohamad, nur izzati. (2021). Tanah wakaf terbiar diusahakan ladang tanaman nanas. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/12/899639/tanah-wakaf-terbiar-diusahakan-ladang-tanaman-nanas>
- Mohamed Yusof, M. F., Romli, N., Bhari, A., Khalid, M. M., & Yaakob, M. A. Z. (2024). Potential For Improving The Implementation Of Agricultural And Livestock Waqf: A Systematic Literature Review (SLR). *International Journal Of Islamic Studies*, 33(3), 175–185. <http://al-qanatir.com>
- Mohamed, M. I., & Mohd Shafiai, M. H. (2021). Peranan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan Di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*. <https://doi.org/10.55057/jdpg.2021.3.4.4>
- Mohd Aris, N., P.Rameli, M. F., Sharif, D., Mohd Adnan, S. D., Md Nasir, M. F., & Abas, S. A. (2021). Empowering Asnaf Agropreneurs Through Economic Development Programs by Selected Zakat Institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(11). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i11/11587>
- Mohd Rasdan, A. (2024). RM 78.7 billion makanan import tahun lalu. <https://www.kosmo.com.my/2024/05/02/rm-78-7-billion-makanan-import-tahun-lalu/>
- Nazri, A. B. (2021). Projek Wakaf Dusun Ilmu, idea bijak UiTM jana pendapatan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/668641/projek-wakaf-dusun-ilmu-idea-bijak-uitm-jana-pendapatan>
- Pinang, Z. P. (2021). Projek Peladang Usahawan Asnaf. <https://zakatpenang.com/gerak-asnaf-tani/>
- Portal Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia. (n.d.). <https://www.ywm.gov.my/soalan-lazim>
- Quddus, M. F., & Hasib, F. F. (2023). Waqf in History a Systematic Literature Review based on Web of Science. *Ijtimā Iyya Journal of Muslim Society Research*, 8(1), 79–94. <https://doi.org/10.24090/ijtimaiyya.v8i1.7052>
- Rakhmat, A. S., Irfan, D., & Beik, S. (2022). Pengelolaan Zakat dan Wakaf di Malaysia dan Turki: Studi Komparatif. In *Iltizam Journal of Shariah Economic Research* (Vol. 6, Issue 1).
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Abdul Ghani, H., & Noor, S. (2021). Hubungan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf Dengan Kepercayaan Terhadap Institusi Pengurusan Wakaf di Malaysia. <http://almimbar.kuis.edu.my>
- Selangorkini. (2022). Petani muda sewa tanah wakaf, tanam nanas MD2 secara komersial. https://selangorkini.my/2022/07/petani-muda-sewa-tanah-wakaf-tanam-nanas-md2-secara-komersial/?utm_source=Newswav&utm_medium=Website

- Talib, H., Sarip, M., & Abd Ghani, N. (2023). Potensi Wakaf Dalam Sekuriti Makanan: Satu Sorotan Awal. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023)*, 177–184.
- Ummi Sulaim Ahmad Rashid, Azri Bahri, & Mohd Faiz Mohamed Yusof. (2023). Analisis Peranan Wakaf Dalam Industri Makanan Sebagai Jaminan Kualiti Hidup. *Global Journal Al-Thaqafah*, ISSN : 2232-0474(Special Issue).
- W. Mahri, A. J., Juliana, J., Muhammad, M., Hardianyah, K., Rasida, R., & Muhammad Oroji, A. (2024). Factors Predicting Intention to Give Waqf in Agriculture Sector. In *RIEF: Review of Islamic Economics and Finance* (Vol. 7, Issue 2).
- Wakaf, S. (2021). Wakaf Anda Membantu Mereka. <https://www.wakafselangor.gov.my/review-our-annual-state-of-the-organization-address/>
- Wijaya, R. P. (2023). Cash Waqf Linked DINFRA (CWL-FRA) As Waqf Innovation Model Integrated With Infrastructure Instrument for National Economic Recovery and Sustainability. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 330–343. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol11no2.422>
- Yayasan Wakaf Malaysia. (2022, August). Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) Tangani Kos Sara Hidup dan Perkasa Jaminan Bekalan Makanan Malaysia. <https://www.ywm.gov.my/storage/app/uploads/public/659/61f/728/65961f728b27a731148875.pdf>
- Yusof, C.K.Y. (2025). Strategi Pengurusan dan Pembangunan Tanah Wakaf untuk Zakat, P. P. (2021). majlis pelancaran projek peladang usahawan nanas. <https://www.zakatpenang.com/16-disember-2021-majlis-pelancaran-projek-peladang-usahawan-nanas/>